

LATIHAN SET 2

PEMAHAMAN PETIKAN PROSA TRADISIONAL BURUNG TERBANG DIPIPISKAN LADA

[8 markah]

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan menyerang Melaka. Maka ada seorang hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab, Sidi Arab Namanya disebut orang. Maka tuan itu senantiasa bermain panah lasykar, seperti **dewal orang berzikir**. Barang ke mana tuan itu pergi, panah itu dibawanya. Maka tatkala itu Tuan Sidi Arab itu pun ada menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, "Mati engkau, Cau Pandan".

Maka Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum; maka titah baginda pada Tuan Sidi Arab itu, "Jikalau sungguh mati Cau Pandan, sungguhlah tuan keramat".

Adapun Cau Pandan itu, lagi di benua Siam, maka berasa kepada dadanya seperti kena panah, maka Cau Pandan pun sakit muntahkan darah lalu mati. Maka tidaklah jadi Siam menyerang Melaka, sebab mati Cau Pandan itu. Maka itulah diperbuatkan orang nyanyi :

Cau Pandan anak Bubunnya,
Hendak menyerang ke Melaka;
Ada cincin berisi bunga,
Bunga berladung si air mata.

Dipetik daripada ' Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi Sejadah Rindu,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata **dewal orang berzikir**. (2 markah)
- (ii) Apakah tindakan Sidi Arab apabila mendengar khabar Cau Pandan hendak menyerang Melaka? (3 markah)
- (iii) Sekiranya anda Sultan Muzaffar Syah, apakah tindakan yang anda lakukan untuk membalas jasa Sidi Arab yang telah berjaya membunuh Cau Pandan? (3 markah)

SOALAN 3 : PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN BAHASA

[30 markah]

Jawab **semua** soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) bentuk – pembentukan
- (ii) korban – pengorbanan
- (iii) pincang – kepincangan

(6 markah)

(b) Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah ini sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FSN)

- (i) Bangunan yang tinggi itu memang cantik reka bentuknya.
- (ii) Program motivasi itu untuk pelajar lemah.
- (iii) Para pekerja itu sedang memperbesar jalan itu.
- (iv) Hadiah perkahwinan itu daripada Kak Aini.
- (v) Cik Sara pereka tari terkenal di negeri ini.
- (vi) Hulubalang itu bersenjatakan sebilah keris.

(6 markah)

(c) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kerajaan akan bina 80,000 unik rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan sederhana di Lembah Klang mulai tahun ini.
- (ii) Ibu merebus jagung yang baru dipetikkan dari kebun ayah untuk dimakan ketika menuntun televisyen nanti.
- (iii) Surat jemputan ke majlis rasmi itu akan dihantar kepada jemputan melalui mesin faksimili pada pagi ini.

(6 markah)

(d) Dalam setiap ayat terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada **satu kesalahan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Daun-daun yang berguguran pada halaman rumah petang semalam telah dilap oleh emak pagi tadi.
- (ii) Senarai nama-nama guru yang akan mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun ini telah diterbitkan oleh pengetua.
- (iii) Permohonan yang dibuat oleh pengurus pasukan bahas itu tidak dilayan kerana keputusan hakim ialah muktamad.

(6 markah)

(e) Tulis ayat berdasarkan setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- (i) indah khabar dari rupa
- (ii) kacang lupakan kulit
- (iii) sediakan payung sebelum hujan

(6 markah)

NOVEL

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (i) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
- (ii) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

(a) Berdasarkan novel yang anda kaji, jelaskan dua latar masyarakat . (7 markah)

(b) Pengarang sering mengemukakan pelbagai nilai kemanusiaan dalam novel untuk dijadikan panduan kepada pembaca. Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan nilai setia kawan yang terdapat dalam novel-novel tersebut. (8 markah)